

Pemimpin OIC anggap ucapan PM realiti penguasaan kaum

JUM 18 OCT 2003
PUTRAJAYA 17 Okt. —

Para pemimpin negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berpendapat ucapan yang disampaikan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 pertubuhan itu semalam merupakan realiti yang berlaku di dunia sekarang ini dan bukannya anti-Yahudi.

Menurut mereka, pandangan Perdana Menteri mengenai penguasaan kaum Yahudi dalam semua bidang di dunia ini adalah satu pandangan jujur yang selaras dengan pandangan sebahagian besar orang Islam.

Menteri Luar Palestin, **Farouk Kaddoumi** berkata, Dr. Mahathir hanya bercakap mengenai kebenaran tetapi tidak pernah mengapi-apikan sentimen anti-Yahudi seperti yang didakwa oleh media antarabangsa.

“Beliau hanya menyatakan kebenaran. (Tuduhan anti-Yahudi) itu adalah satu pembbohongan sahaja, kerana mereka menduduki negara kami, membunuh rakyat kami tetapi menuduh kita yang anti-Yahudi serta penganas.

“Ia sebenarnya adalah satu ucapan yang cemerlang, memberikan strategi kepada orang Islam selain menyatakan bahawa kita mahu mengadakan dialog terbuka dengan orang lain dan Islam merupakan agama yang mendokong keamanan,” katanya kepada pemberita selepas membuat kunjungan hormat kepada Dr. Mahathir pada sesi Sidang Kemuncak Ke-10 OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya hari ini.

Kaddoumi berkata demikian ketika mengulas laporan media asing hari ini yang menyatakan Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya mengemukakan ucapan Dr. Mahathir semalam.

Semalam, Dr. Mahathir menggesa negara-negara Islam menghentikan pendekatan lama untuk memperjuangkan Islam sebaliknya lebih banyak menggunakan akal seperti yang telah dilakukan oleh orang Yahudi.

Menurut Kaddoumi, AS tidak mem-

punyai sebarang kredibiliti untuk mengemukakan orang lain kerana mereka sendiri melindungi Israel yang secara terang-terangan melanggar undang-undang antarabangsa serta hak asasi manusia dan membunuh rakyat Palestin dengan sewenang-wenangnya.

“Mereka tuduh kami anti-Yahudi, tetapi Israel menduduki negara kami dan melanggar hak asasi secara jelas, meletakkan 85,000 askar di negara kami dan kemudiannya mendakwa mahu mencapai keamanan.

“Pentadbiran AS mengakui bahawa Israel merupakan perikatan strategik mereka di luar NATO dan sekarang mereka menjajah Iraq, jadi mereka tiada hak untuk menuduh kami anti-Yahudi, tegasnya.

Setiausaha Luar Bahrain, **Sheikh Muhammad Al-Khalifah** berkata, Dr. Mahathir cuba menjelaskan keadaan dunia dari sudut pandangannya sebagai seorang Islam.

“Beliau cuba menerangkan keadaan di dunia sekarang dari kaca matanya sendiri dan saya rasa Malaysia melihat kepada dunia sama seperti pandangan sebahagian besar daripada kita di sidang kemuncak ini, ujarnya.

Beliau, tambahnya, sebenarnya cuba mengetengahkan idea-idea baru untuk menjalin kerjasama politik dan ekonomi pada masa depan.

Sementara itu, Perdana Menteri Kuwait, **Sheikh Sabah Al-Ahmad Jaber Al-Sabah** berkata, kritikan Dr. Mahathir dalam ucapannya itu

sebenarnya ditujukan kepada Israel dan bukannya agama Yahudi.

“Tidak, saya tidak rasa begitu (anti-Yahudi); terhadap Israel ya, tetapi bukan Yahudi.

“Kami sebagai orang Islam tidak berbuat demikian,” katanya.

Presiden Somalia, **Abdikassim Salad Hassan** menyokong penuh ucapan Perdana Menteri itu yang menyarankan agar umat Islam bersatu padu serta bekerjasama dalam menentang keganasan.

Beliau berkata, dakwaan Amerika Syarikat, Australia dan Kesatuan Eropah bahawa ucapan Dr. Mahathir sebagai anti-Yahudi adalah tidak boleh diterima sama sekali.

“Ini kerana Dr. Mahathir memperjuangkan nasib saudara mara kami di Palestin, Iraq dan Syria, tidak timbul tuduhan mengatakan ucapannya anti-Yahudi,” katanya.

Abdikassim berkata, ucapan Dr. Mahathir mendapat sokongan pemimpin-pemimpin anggota OIC yang lain memandangkan Islam sebagai agama yang menitikberatkan persaudaraan, perpaduan dan menentang keganasan.

Katanya, keganasan boleh berlaku di mana-mana termasuk di kalangan penganut Islam, Kristian dan Yahudi sendiri dan tidak sepatutnya dikaitkan dengan mana-mana negara.